

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)
 Hari/Tarikh: 3/10/2016
 Muka surat: m7

Tajuk : Perkongsian ilmu Unimas melalui khidmat masyarakat

Perkongsian ilmu Unimas melalui khidmat masyarakat

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) berkongsi ilmu dan maklumat bersama masyarakat menerusi Program Perkhidmatan Pembelajaran yang diadakan di Bahagian Kuching dan Samarahan.

Naib Canselor Unimas, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, objektif program itu adalah untuk menjalinkan kerjasama antara pelajar Unimas dan masyarakat setempat menerusi perkongsian ilmu.

"Kita berharap program ini dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara universiti dan masyarakat," katanya.

Ahli Parlimen Kota Samarahan, Rubiah Wang telah merasmikan program itu di Pusat Internet

1Malaysia, Kampung Tanjung Bundong Fasa II, Kota Samarahan.

Katanya, 40 kawasan dipilih bagi penganjuran program itu yang turut disertai oleh lebih 361 orang pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi-Maklumat Unimas.

"Melalui program yang kita adakan ini pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari di universiti bagi mencurahkan khidmat dan bakti kepada masyarakat serta mewujudkan komunikasi dua hala," katanya.

Tambahnya lagi, program ini berkonsepkan situasi menenangkan iaitu kedua-dua pihak akan memperoleh manfaat khususnya dari segi pencapaian inspirasi dan percambahan budaya ilmu.

Sementara itu, Rubiah mengucapkan tahniah sekali gus kepada Unimas atas penganjuran program berkenaan.

Beliau menyuarakan sokongan ke atas program yang disifatkan dapat memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari di universiti kepada persekitaran dunia sebenar dan refleksi pengalaman perkhidmatan tersebut apabila kembali ke sesi pembelajaran universiti.

Beliau turut menasihati masyarakat setempat supaya menggalakkan anak-anak mereka melibatkan diri dengan program ini supaya dapat melahirkan generasi berilmu setanding dengan masyarakat di tempat lain.

RUBIAH (dua dari kiri) menyerahkan replika cek berjumlah RM20,000 kepada Unimas yang diwakili oleh Kadim (tiga dari kanan)



RUBIAH bergambar kenangan bersama pengurus dan pelajar Unimas serta penduduk kampung semasa Majlis Pelancaran Program Service Learning di Kampung Tanjung Bundong baru-baru ini.